

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

23.10.2015

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) menjadi pemilik aset pertama di Malaysia yang menandatangani Kod Pelabur Institusi Malaysia sekaligus menunjukkan komitmen terbuka institusi tersebut untuk meningkatkan ketelusan dan mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Kod tersebut, dan ini adalah amat dialu-alukan. Sehingga hari ini, terdapat tujuh (7) signatori kepada Kod tersebut. Kami berharap untuk melihat lebih banyak pemilik aset tempatan menjadi signatori untuk menunjukkan komitmen mereka bagi memacu penyeliaan pelabur yang lebih efektif di dalam arena korporat Malaysia.

Berikutan pelancaran Kod tersebut oleh MSWG dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada Jun 2014, KWAP telah mengambil langkah proaktif sebagai pemilik aset untuk memahami Kod tersebut dengan lebih mendalam.

Landskap global dan serantau semasa sedang menuju ke arah ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi oleh pelabur institusi. Dalam hal ini, kami ingin menekankan sekali lagi betapa pentingnya bagi pemilik-pemilik aset yang besar untuk menerima dengan terbuka prinsip-prinsip Kod ini bagi melonjakkan agenda pemilikan bertanggungjawab ke hadapan, bagi manfaat benefisiari mereka.

Dalam hal berasingan, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah menjatuhkan hukuman ke atas seorang rakan kongsi audit berlesen kerana bersubahat dengan sebuah syarikat tersenarai awam untuk membuat kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia.

Rakan kongsi audit tersebut telah dijatuhkan hukuman penjara selama satu tahun dan diarahkan membayar denda sebanyak RM400,000.

Apa yang menarik dalam kes ini adalah ini merupakan kes pertama di mana SC telah mengenakan pertuduhan terhadap juruaudit kerana bersubahat dengan syarikat tersenarai awam dalam melakukan kenyataan tersebut.

Kes ini juga merupakan antara kes terkini dalam sabitan yang diperolehi oleh SC dalam kes-kes yang melibatkan maklumat palsu dan mengelirukan, dan ini akan meningkatkan lagi tahap bagi standard professional dan etika perkhidmatan profesional.

Rita

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / MSWG / KOD PELABUR INSTITUSI MALAYSIA DI DALAM BERITA

ValueCap to receive RM6bil injection by year-end

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/10/19/ValueCap-to-receive-RM6bil-injection-by-year-end/?style=biz>

RM6b injection for ValueCAP by end of November

<http://www.thesundaily.my/news/1586486>

ValueCap's first tranche of fund to be disbursed late November

<http://www.nst.com.my/news/2015/10/valuecap%E2%80%99s-first-tranche-fund-be-disbursed-late-november>

ValueCap to receive RM6 billion by end-November

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/valuecap-receive-rm6-billion-end-november>

MSWG - PENGIKTIRAFAN DAN PENEMUAN INDEKS KETELUSAN DAN TADBIR URUS KORPORAT ASEAN 2015 PADA HARI SELASA, 10 DISEMBER, 2015

Tandakan kalendar anda

MSWG dengan sukacitanya memaklumkan bahawa MSWG sekali lagi akan mengumumkan penemuan dan keputusan mengenai tahap Tadbir Urus Korporat di Malaysia pada **10 Disember 2015**.

Kami mengalu-alukan penyertaan dan sokongan anda pada majlis tersebut.

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN MODAL DAN KAWAL SELIA

SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (SC) PELAWA KOMEN AWAM MENGENAI CADANGAN SYARAT PENYENARAIAAN SYARIKAT BAHAN GALIAN, MINYAK DAN GAS

SC mempelawa maklum balas awam mengenai cadangan syarat kemasukan syarikat-syarikat yang terbabit dalam aktiviti cari gali bahan galian, minyak dan gas (MOG) ke Pasaran Utama Bursa Malaysia.

SC mendapati peningkatan minat dalam penyenaraian syarikat-syarikat MOG, secara langsung melalui tawaran awam awal dan secara tidak langsung melalui pemerolehan oleh syarikat tersenarai. Memandangkan ciri-ciri teknikal dan risiko tinggi yang dikaitkan dengan perniagaan MOG, SC menyedari pentingnya wujud satu rangka kerja yang menyeluruh untuk mengawal selia syarikat-syarikat yang terbabit dalam perniagaan sedemikian. Rangka kerja menyeluruh yang dicadangkan itu, yang menumpukan kepada syarat-syarat kemasukan dan obligasi pasca penyenaraian, bertujuan untuk meningkatkan perlindungan pelabur.

Bursa Malaysia akan mengeluarkan kertas perundingan secara berasingan mengenai obligasi tambahan pasca penyenaraian untuk penerbit MOG yang disenaraikan.

[Sumber: Kenyataan media SC di laman web SC pada 15 Oktober 2015]

BURSA MALAYSIA BERUSAHA MENINGKATKAN RANGKA KERJA PENDEDAHAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

Bursa Malaysia mengalu-alukan orang awam untuk memberi maklum balas ke atas cadangan pindaan kepada Keperluan Penyenaraian bagi menambah baik rangka kerja pendedahan dan tadbir urus korporat, serta tanggungjawab selepas penyenaraian bagi penerbit tersenarai mineral, minyak dan gas.

Pindaan itu bertujuan untuk mempromosikan ketelusan yang lebih luas, mengekalkan integriti pasaran dan mengukuhkan lagi perlindungan ke atas pelabur.

[Sumber: Kenyataan media Bursa Malaysia di laman web Bursa Malaysia pada 16 Oktober 2015]

KOMEN MSWG:

Bursa dan SC telah secara berasingan menjemput maklum balas mengenai cadangan pindaan kepada keperluan penyenaraian untuk terbitan awal Syarikat Mineral, Minyak dan Gas (MOG), satu sektor yang menurut SC, telah menyaksikan peningkatan minat sama ada secara langsung melalui IPO, atau secara tidak langsung melalui pemerolehan oleh syarikat yang disenaraikan.

Kami rasa ini adalah langkah yang betul, memandangkan MOG ialah industri subsektor yang sangat teknikal dan terdedah kepada risiko yang sangat tinggi.

Oleh itu, rangka kerja yang menyeluruh untuk mengawal selia syarikat-syarikat yang terbabit dalam perniagaan itu dilihat sangat bermanfaat.

Dengan adanya sumbangan awam kepada pembangunan rangka kerja holistik yang merangkumi syarat kemasukan dan obligasi pasca penyenaraian, pasti ada peningkatan dalam perlindungan kepada pelabur.

Pihak yang berminat boleh menghantarkan maklum balas kepada syarat-syarat yang dicadangkan di feedbackmog@seccom.com.my, sebelum 13 November 2015.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

Lembaga Pengarah Multi Sports mengumumkan penawaran opsiyen kepada kakitangan dan para Pengarah yang layak di bawah ESOS dan butirannya adalah seperti berikut:

1. Tarikh tawaran: 19 Oktober 2015
2. Harga pelaksanaan opsiyen yang ditawarkan: RM0.11
3. Bilangan opsiyen yang ditawarkan: 77,625,000
4. Harga pasaran saham Multi Sports pada tarikh tawaran: RM0.10
5. Bilangan opsiyen yang ditawarkan kepada para Pengarah Multi Sports:

| Nama Pengarah | Bilangan opsiyen yang ditawarkan |
|----------------------|---|
| Lin Huozhi | 7,762,500 |
| Lin Liying | 3,881,250 |

6. Tempoh letak hak opsi yang ditawarkan: Lima (5) tahun sehingga tamat skim opsi saham pekerja iaitu pada 22 September 2020 sekiranya tiada lanjutan daripada skim ini.

[Sumber: Pengumuman Multi Sports di laman web Bursa Malaysia pada 19 Oktober 2015]

KOMEN MSWG:

Kami mengambil perhatian bahawa ESOS hanya diberikan kepada pengarah eksekutif iaitu selaras dengan syor MSWG yang ESOS perlu diberi kepada pengarah eksekutif sahaja dan tidak kepada pengarah bukan eksekutif. Walau bagaimanapun, MSWG percaya pelaksanaan ESOS yang mengeluarkan sehingga 15% daripada saham syarikat itu pada harga RM0.11 apabila nilai aset bersih sesaham adalah RM0.98 (RMB1.73 sesaham seperti yang dinyatakan dalam laporan tahunan terkini Multi Sports) akan mencairkan nilai saham bagi pelabur minoriti, memandangkan pelaksanaan ESOS sepenuhnya bermakna nilai aset bersih sesaham akan jatuh daripada RM0.98 kepada RM0.87 iaitu penurunan nilai sebanyak 11.6%.

Pelaksanaan ini tidak diterima dengan baik oleh pemegang saham minoriti seperti yang dibuktikan dalam EGM baru-baru ini di mana resolusi berkaitan ESOS tidak dilaksanakan melalui pengundian secara mengangkat tangan, tetapi kemudiannya diluluskan apabila Lembaga Pengarah menggunakan kuasa memanggil pengundian secara poll.

YTL POWER INTERNATIONAL BERHAD (“YTL POWER”)

YTL Power Generation Sdn Bhd (“YTLPG”), anak syarikat milik penuh YTL Power, dipilih sebagai pembida yang berjaya mendapatkan bekalan tenaga daripada kemudahan sedia ada di Paka mengikut bidaan kapasiti jangka pendek oleh Suruhanjaya Tenaga untuk tempoh 2 tahun 10 bulan bermula 1 Mac 2016. Ini berikutan kejayaan menyelesaikan Perjanjian Pembelian Tenaga 21 tahun yang dibuat antara YTLPG dan Tenaga Nasional Berhad pada 30 September 2015.

[Sumber: Pengumuman YTL Power di laman web Bursa Malaysia pada 8 Oktober 2015]

KOMEN MSWG:

Kami ingin menarik perhatian bahawa YTL Power, yang baru-baru ini berjaya mendapat tempoh lanjutan dua tahun untuk membekalkan kuasa kepada grid nasional dari lojinnya di Paka, Terengganu, hanya merujuk kepada sambungan kontrak ini dalam keputusan suku keempatnya pada 20 Ogos 2015, manakala syarikat itu hanya membuat pengumuman seperti yang dinyatakan di atas pada 8 Oktober 2015.

Kami berpandangan pengumuman yang sesuai melalui Bursa perlu dibuat supaya penzahiran adalah cepat dan jelas kepada semua pihak.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.